

02 OCT 2003

Mahathir-Layar

LIMA: MAHATHIR SAKSI PERAHU LAYAR OPTIMIST KELUARAN TEMPATAN

LANGKAWI, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meluangkan masa untuk menyaksikan perahu layar optimist "Langkawi Hi Flyer" keluaran sebuah syarikat tempatan, di Awana Porto Malai di sini.

Pengarah Urusan Zeta Marine Sdn Bhd, Mohamed Afendy Abdullah, memberi taklimat ringkas kepada Dr Mahathir mengenai perahu layar itu yang sesuai digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah.

Syarikat itu setakat ini menerima tempahan 20 unit perahu layar itu dari Kelab Perahu Layar Perak dan Perlis, katanya kepada pemberita selepas mengiringi Dr Mahathir menyaksikan perahu berkenaan di pameran komponen maritim, Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa (LIMA) 2003.

Mohamed Afendy berkata perahu layar diperbuat daripada serat kaca berukuran 2.5 meter itu menggunakan sepenuhnya bahan tempatan.

Beliau berkata pihaknya telah menyiapkan sepuluh unit perahu layar berkenaan yang setiap satu berharga RM7,800.

"Kita bercadang mengeluarkan 100 unit secara berperingkat dan akan menambah jika menerima permintaan meningkat," katanya.

Sementara itu, Persatuan Peluncur Udara Bermotor Malaysia akan mengadakan penerbangan marathon dari Melaka ke Dumai, Sumatera sejauh 75 kilometer untuk mencatat rekod dalam Malaysia Book Of Records.

Presiden persatuan itu, Lt Kol (B) Basir Abdul Rahman berkata projek itu akan dilaksanakan tidak lama lagi setelah berjaya menyeberangi Selat Melaka Langkawi-Kuala Perlis-Alor Setar baru-baru ini.

Ini merupakan projek terbesar yang akan dilaksanakan oleh persatuan itu, yang dijangka disertai 20 juruterbang tempatan dan luar negeri, katanya selepas Dr Mahathir melawat ke gerainya petang ini.

Mengenai LIMA, dua juruterbang paramotor akan menunjukkan aksi menarik terbang di udara di kawasan segmen udara di Padang Matsirat selama dua hari mulai esok.

Penerbangan itu sepatutnya dilakukan pada hari ini ditunda kerana hujan, katanya.

-- BERNAMA

ZI ZS RON